



Headline	Pembangunan hartanah dijangka rancak
MediaTitle	Berita Harian
Date	23 May 2015
Section	Nasional
Page No	11
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Pembangunan hartanah dijangka rancak

Seremban: Pembangunan Lembah Wawasan Malaysia (MVV) dijangka merencanakan pembangunan hartanah di negeri ini.

Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Negeri Sembilan, menjangka permintaan yang meningkat terhadap hartanah di negeri ini akan menyebabkan harga rumah di Seremban, Nilai dan Port Dickson, turut bergerak ke arah yang sama.

Timbalan Pengerusi REHDA negeri, Jenny Wang, berkata harga rumah di tiga kawasan itu akan mengalami kenaikan sebanyak 10 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang akibat permintaan yang semakin meningkat setiap tahun.

Katanya, ramai pembeli terutama dari Lembah Klang memilih membeli rumah di Nilai dan Sendayan kerana harga hartanah di kawasan berkenaan masih mampu dimiliki berbanding di ibu negara yang mahal.

Pilihan utama

"Harga rumah bergantung kepada beberapa faktor seperti permintaan dan juga lokasi dengan kawasan yang dilengkapi kemudahan seperti sekolah, hospital dan pasar raya menjadi pilihan utama.

"Kita sedia maklum, perumahan di kawasan bandar atau yang pesat membangun, harganya lebih mahal berbanding kawasan pinggir bandar," katanya di sini, semalam.

Perunding hartanah, Muhanif Muhamad, berkata setiap tahun, harga rumah sekunder atau rumah lama, meningkat antara RM20,000 hingga RM30,000 atau kira-kira 15 hingga 20 per-

atus akibat permintaan yang semakin tinggi dan kawasan yang semakin membangun," katanya.

Bagaimanapun, katanya, harga rumah sekunder masih berpatutan, iaitu sekitar RM200,000 bagi rumah teres satu tingkat, berbanding rumah baru iaitu sekitar RM300,000.

Katanya, walaupun akan meningkat harga rumah di Seremban, Nilai dan Port Dickson, masih berada dalam tahap yang mampu dibeli oleh orang ramai.

Sementara itu, tinjauan *BH* mendapati orang ramai menyambut baik pelaksanaan MVV yang dijangka memberi manfaat kepada negeri ini.

Tingkat pembangunan negeri

Peniaga di bandar Port Dickson, Rohana Ismail, 46, berkata MVV menunjukkan inisiatif kerajaan negeri untuk meningkatkan pembangunan negeri ini.

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa hadapan, MVV mampu mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan," katanya.

Syahir Saadon, 24, dari bandar ini menyifatkan pembangunan MVV sebagai lonjakan besar kepada negeri ini dan negara untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020.

"Antara komponen yang saya lihat dalam MVV ialah pendidikan di Enstek dan Nilai yang pada saya, generasi muda perlu rebut belajar di institusi pendidikan awam dan swasta di situ," katanya.

Sementara itu, Nur Sayana Saaban, 50, pula berharap pembangunan MVV akan memberi kesan limpahan kepada kawasan luar bandar negeri ini.